

PENDIDIKAN JIWA MELALUI ANALOGI DALAM TAFSIR AL-QURAN KARYA TUAN GURU NIK ABDUL AZIZ NIK MAT

(*Spiritual Education Through Analogy in The Interpretation of Al-Quran by
Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat*)

***Nurzatil Ismah Azizan**

Submitted: 05-Dec-2023
Accepted: 14-Dec-2023
Revised: 15-Dec-2023
Published: 28-Dec-2023

Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Universiti Islam Selangor
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author's email: nurzatil@kuis.edu.my

Abstrak

Pendidikan jiwa merupakan salah satu proses dalam membentuk jati diri muslim. Dengan pendidikan jiwa manusia dapat hidup dalam kepatuhan kepada Allah SWT, membezakan perkara yang baik dan buruk serta menjalani kehidupan yang aman dan harmoni. Jiwa yang bersih akan mencapai ketenangan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat. Proses mendidik jiwa adalah melalui ilmu yang sah serta diamalkan, terdapat pelbagai usaha untuk mendidik jiwa termasuk menyampaikan kuliah ilmu seperti tafsir al-Quran. Kajian ini bertujuan menganalisis pendidikan jiwa berbentuk analogi dalam Tafsir al-Quran oleh Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat. Kajian ini dijalankan dengan jenis kajian kualitatif melalui rekabentuk kajian pensejarahan. Pemilihan sampel kajian adalah secara bertujuan iaitu Tafsir al-Quran oleh Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat. Instrumen kajian ialah dokumen iaitu kitab tafsir al-Quran bagi surah al-Nas, al-Falaq dan al-Ikhlas. Pengumpulan data kajian diperolehi daripada sumber manuskrip primer dan sekunder. Seterusnya data diproses dengan kaedah deduktif dan deskriptif bagi menerangkan pendidikan jiwa melalui analogi yang terdapat dalam Tafsir al-Quran tersebut. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa analogi yang digunakan oleh Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat dalam memberi faham tentang ayat-ayat al-Quran dalam mendidik jiwa manusia, antaranya bulu berterbangan, guru yang garang, kontraktor yang membina rumah, batu bata, tiang rumah, polis, peraturan jalan raya dan juga duit. Analogi tersebut bertujuan memudahkan kefahaman masyarakat Islam bukan menyamai Allah SWT dengan makhluk-makhluk yang lain. Analogi tersebut perlu difahami dengan baik agar maksud yang dibawa oleh beliau difahami dengan tepat.

Kata kunci: Pendidikan Jiwa, analogi, tafsir al-Quran, Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Abstract

Spiritual education is one of the processes in forming a Muslim identity. With education, the human soul can live in obedience to Allah SWT, distinguish between good and bad things and live a peaceful and harmonious life. A clean soul will achieve peace and happiness in this world and the hereafter. The process of educating the soul is through authentic and practiced knowledge, there are various efforts to educate the soul including delivering knowledge lectures such as the interpretation of the Quran. This study aims to analyze soul education in the form of analogy in Tafsir al-Quran by Master Nik Abdul Aziz Nik Mat. This study was conducted with a qualitative research type through a historical research design. The selection of the study sample is purposeful, which is Tafsir al-Quran by Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat. The study instrument is a document which is a book of al-Quran interpretation for surah al-Nas, al-Falaq and al-Ikhlas. The collection of research data is obtained from primary and secondary manuscript sources. Next, the data is processed with deductive and descriptive methods to explain the education of the soul through analogies found in the Tafsir al-Quran. The results of the study found that there are several analogies used by Tuan Guru Nik Abdul Aziz

Nik Mat in giving an understanding of the verses of the Quran in educating the human soul, among them flying feathers, fierce teachers, contractors who build houses, bricks, house pillars, police, road rules and even money. The analogy aims to facilitate the understanding of the Muslim community, not to equate Allah SWT with other creatures. The analogy needs to be understood well so that the meaning brought by him is understood accurately.

Keywords: *Spiritual Education, Analogy, The Interpretation of Al-Quran, Nik Abdul Aziz Nik Mat.*

1.0 PENGENALAN

Al-Quran merupakan kalam Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW, padanya terdapat hikmah, hukum syariat serta panduan kehidupan manusia dan membacanya dianggap sebagai ibadah (Manna' Qattan, t.t). Antara tujuan penurunan al-Quran adalah untuk menyempurnakan akhlak manusia sepertimana yang disebutkan dalam hadis Nabi SAW:

“Sesungguhnya tidak aku diutuskan melainkan untuk menyempurnakan kebaikan akhlak.” (Riwayat Ahmad (No, 8952). Malah Nabi SAW merupakan contoh tauladan kepada manusia, berdasarkan firman Allah SWT “Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik.” (Al-Ahzab:21).

Terdapat beberapa sifat al-Quran yang dinyatakan oleh Allah SWT yang menunjukkan bahawa al-Quran mempunyai aspek pendidikan jiwa yang tinggi iaitu maw'izah (nasihat) sepertimana disebutkan dalam al-Quran “Wahai umat manusia, sesungguhnya telah datang kepada kamu al-Quran yang menjadi nasihat pengajaran dari tuhan kamu.” (Yunus:57)”.

Pendidikan jiwa atau Tarbiyyah Al-Nafs disebut oleh imam Fakr al-Din al-Razi berfungsi untuk menguatkan motivasi seseorang dalam keimanan dan beramal saleh. Manakala Muhammad Abduh menyatakan pendidikan jiwa yang sempurna dapat dicapai dengan penyucian akal daripada akidah yang sesat. Nilai pendidikan jiwa menurut HAMKA ialah bergaul dengan orang yang baik, selalu berfikir, memelihara syahwat, menghindari sifat marah, berfikir sebelum melakukan sesuatu dan bermuhasabah tentang keaiban diri (Nurhadi, 2020).

Pendidikan jiwa amat berkait rapat dengan pendidikan akhlak, ini kerana jiwa yang dibentuk dengan nilai spiritual akan menzahirkan akhlak yang mulia. Di dalam al-Quran terdapat 303 kalimah jiwa iaitu al-Nafs dengan pelbagai makna antaranya ruh, fitrah, qalb, fu`ad, aql dan basirah. Al-Nafs (jiwa) boleh difahami sebagai satu sisi dalam diri manusia yang berpotensi menjadi baik atau buruk, kerana itu jiwa manusia perlu diberi perhatian (M Priyatna, 2014).

Tujuan pendidikan jiwa adalah untuk melaksanakan perintah Allah SWT dan menjauhi laranganNya. Menurut Imam al-Qusyairi, pendidikan jiwa bertujuan membimbing manusia agar menjadi hamba yang bertakwa manakala kurikulum pendidikan jiwa meliputi aspek tauhid, akhlak, muraqabah, muhasabah dan mukhalafah (Satibi, 2018). Antara metode pendidikan jiwa yang disebutkan dalam al-Quran ialah takut kepada Allah dan menahan diri daripada melakukan maksiat (al-Nazi'at: 40-41), membentuk jiwa yang sabar (al-Kahfi: 28), Tidak kedekut/kikir (al-Hasyr: 9), tawakkal dan pelbagai aspek lain yang disebut dalam al-Quran.

Penciptaan jiwa dan kedudukannya telah dibincangkan oleh para psikologis muslim dan ahli falsafah terdahulu iaitu jiwa adalah kekal setelah kematian jasad. Hujah akal yang telah dikemukakan oleh Ibn Sina dilihat selaras dengan syarak dan diakui oleh al-Ghazali serta turut dinukilkan oleh beliau. Di samping itu, al-Ghazali juga turut mendatangkan hujah syarak bagi membuktikan bahawa jiwa adalah kekal

selepas kematian jasad. Pengabaian perbincangan aspek rohani dalam kalangan psikologis barat jelas menunjukkan kelompongan perbahasan mereka dan menjadi punca mereka tidak dapat menangani masalah penyakit jiwa yang semakin meningkat di Barat. (Mohd Manawi, 2021).

Di dalam al-Quran terdapat ilmu perumpamaan (al-amthal) atau analogi yang mempunyai aspek pendidikan jiwa yang tinggi nilainya. Ia merupakan konsep yang menjelaskan makna dalam bentuk yang menghidupkan minda. Kebiasaannya berlaku dalam beberapa keadaan iaitu menggambarkan perkara ghaib dengan yang wujud, abstrak dengan konkrit dan membandingkan perkara yang serupa. Dengan memahami ilmu amthal, maksud ayat al-Quran menjadi lebih indah dan menarik serta mendorong jiwa untuk menerima makna-makna ayat al-Quran. Ilmu amthal menunjukkan kemukjizatan al-Quran yang maha agung. Dalam ilmu sastera, amthal ialah menyerupai sesuatu keadaan yang lain dengan matlamat yang sama (Manna' Qattan, t.t).

Tujuan amthal ialah untuk memperbaiki jiwa, menyentuh hati, memperelok akhlak, memperbetul tingkah laku, membenarkan akidah, menerangi mata hati, memandu ke arah keperibadian yang baik, memperbaiki masyarakat, memberi peringatan tentang perkara buruk agar dijauhi dan perkara baik agar diterima oleh jiwa-jiwa yang baik dan hati-hati yang bersih. (Nurzatil & Nazneen, 2015). Terdapat tiga bentuk Amthal al-Quran. Pertama, al-Amthal al-Musarrahah iaitu mengandungi lafaz perumpamaan dengan jelas. Kedua, al-Amthal al-Kaminah iaitu yang tidak menggunakan lafaz tamsil secara jelas tetapi dapat difahami menerusi maksud bahawa ia adalah perumpamaan khususnya dalam bahasa Arab. Keindahan tamsilan ini dapat dilihat apabila ia dibandingkan dengan ayat yang membawa maksud yang sama. Ketiga, al-Amthal al-Mursalah iaitu menggunakan ayat penyata tanpa ada lafaz tamsil tetapi ia boleh digunakan sebagai perumpamaan. (Manna' al-Qattan, t.t)

Analogi atau amthal merupakan pendekatan pengajaran yang baik malah telah digunakan oleh Rasulullah SAW dalam memberi kefahaman kepada sahabat Nabi SAW iaitu dengan melakukan perbandingan secara kiasan dengan sesuatu yang telah wujud. Analogi tersebut dapat memberi kefahaman berkenaan hukum syariat yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Sebagai contoh seorang wanita bertanya kepada Nabi SAW bahawa ibunya bernazar untuk mengerjakan haji namun tidak sempat menunaikan nazar tersebut ibunya telah meninggal dunia. Maka Nabi SAW memberi analogi bahawa hutang yang dilakukan oleh ibunya perlu dibayar sama juga dengan ibadah haji tersebut boleh dilakukan untuk ibunya (Alfauzan, 2017). Terdapat pelbagai usaha yang dilakukan dalam memberi kefahaman tentang hukum syarak termasuk kuliah-kuliah agama di masjid dan juga penulisan kitab. Artikel ini mengupas usaha yang dilakukan oleh Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat melalui kuliah tafsir al-Quran serta menggunakan analogi atau amthal bagi memberi kefahaman tentang ayat al-Quran dalam proses mendidik jiwa manusia agar mencapai tahap keimanan yang tinggi kepada Allah SWT. Ianya dilihat sebagai usaha yang murni dan dapat membantu masyarakat memahami al-Quran.

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Penulisan artikel ini bertujuan untuk menjelaskan pendidikan jiwa melalui analogi atau amthal yang terdapat dalam Tafsir al-Quran oleh Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini mengaplikasikan jenis kajian kualitatif dengan rekabentuk kajian pensejarahan. Pemilihan sampel kajian adalah secara bertujuan iaitu Tafsir al-Quran oleh Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat. Instrumen kajian ialah dokumen iaitu kitab tafsir al-Quran bagi surah al-Nas, al-Falaq dan al-Ikhlash sahaja. Pengumpulan data kajian diperolehi daripada sumber manuskrip primer dan sekunder. Seterusnya data diproses dengan kaedah deduktif dan deskriptif bagi menerangkan pendidikan jiwa melalui analogi yang terdapat dalam Tafsir al-Quran tersebut.

3.1 Biografi Pengarang dan Pengenalan Kitab

Nama penuh pemilik tafsir ini ialah Tuan Guru Nik Abdul Aziz bin Nik Mat, dilahirkan pada 10 Januari 1931 di Kampung Pulau Melaka, Kedai Lalat Kota Bharu, Kelantan. Mendapat pendidikan awal daripada ayahnya sendiri Haji Nik Mat atau lebih dikenali dengan panggilan "Tok Nik Mat Alim". Beliau memulakan persekolahan formal di Sekolah Kebangsaan Kedai Lalat ketika berusia enam tahun iaitu pada tahun 1936 namun hanya belajar selama tiga bulan sahaja kerana sistem pembelajaran di sekolah tersebut tidak sesuai dengan jiwanya. Beliau kemudian belajar di sekolah pondok Tok Kenali di Kubang Kerian. Tuan Guru Nik Abdul Aziz kemudian menyambung pengajian ke Darul Ulum, Deoband, India dan tamat pengajian pada 1957 (Ahmad Najib, 2021).

Pada tahun 1957, Tuan Guru mendalami bidang pengajian tafsir di Lahore, Pakistan dan kemudian menyambung pengajian peringkat ijazah sarjana muda di Universiti al-Azhar Mesir dalam jurusan Pengajian Bahasa Arab. Setelah tamat, beliau telah menyambung pengajian di peringkat Sarjana dalam Syariah (Perundangan Islam). Pada awal tahun 1962, Tuan Guru telah membuat keputusan untuk pulang ke tanah air selepas berada di luar negara hampir 12 tahun (Shukeri et al, 2020). Beliau bergiat aktif dalam politik tanah air dan telah meninggal dunia pada 12 Februari 2015 di Pulau Melaka ketika berusia 84 tahun.

Tafsir al-Quran oleh Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat merupakan karya yang dibukukan oleh sekumpulan penyelidik yang diketuai oleh Ahmad Saifuddin Yusof. Kitab ini dihasilkan daripada kuliah Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat. Karya ini mula dicetak oleh Firdaus Press Sdn Bhd dan diterbitkan oleh Alim Rabbani Media Sdn Bhd pada tahun 2020 sebanyak tiga kali cetakan, tahun 2021 sekali cetakan dan tahun 2023 sekali cetakan (Tuan Guru Nik Abdul Aziz, 2023).

Rakaman audio kuliah-kuliah pada tahun 2003 yang disalin semula oleh penyelidik dalam bentuk buku untuk memberi manfaat yang lebih besar kepada masyarakat dengan menggunakan Bahasa Melayu. Kuliah asal secara audio adalah dengan dialek Kelantan. Susunan Surah di dalam kitab ini adalah mengikut turutan kuliah yang disampaikan oleh Tuan Guru Tuan Guru Nik Abdul Aziz bin Nik Mat bukan mengikut susunan surah di dalam al-Quran. Terdapat 12 set kitab dengan 27 surah yang telah dibukukan iaitu:

- a) Tafsir Surah Al-Fatihah
- b) Tafsir 3 Qul (Surah Al-Nas, Al-Falaq, Al-Ikhlash)
- c) Tafsir Surah Al-Waqiah
- d) Tafsir Surah Al-Fil, Al-Humazah, Al-Asr, Al-Takathur
- e) Tafsir Surah Al-Masad, Al-Nasr, Al-Kafirun, Al-Kauthar, Al-Maun, Quraisy
- f) Tafsir Surah Yunus
- g) Tafsir Surah Hud
- h) Tafsir Surah Al-Rahman
- i) Tafsir Surah Yasin
- j) Tafsir Surah Al-Kahfi
- k) Tafsir Surah Al-Qariah, Al-'Adiyat, Al-Zalzalah, Al-Bayyinah

l) Tafsir Surah Al-Ghasyiyah, Al-A'laa, Al-Tariq

Kajian terdahulu mendapati Tuan Guru Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat dalam tafsir beliau turut menyentuh berkenaan membangun akhlak masyarakat dengan teguran-teguran tegas kepada masyarakat antaranya membezakan perkara yang hak dan batil, melazimi berkongsi rezeki sama ada melalui zakat atau sedekah, menekankan aspek pendidikan serta mengambil ibrah melalui kisah-kisah terdahulu dalam membentuk akhlak masyarakat (Nurzatil & Nazneen, 2023). Tafsir ini dilihat sebagai sebuah kitab tafsir yang mudah difahami dan wajar dipelajari oleh setiap lapisan masyarakat, malah jika diperkenalkan dalam kuliah-kuliah di masjid akan memberi manfaat yang lebih besar.

3.2 Pendidikan Jiwa Melalui Analogi Dalam Tafsir Al-Quran oleh Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat

Penelitian terhadap Tafsir al-Quran oleh Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat mendapati beliau dalam memberi penerangan terhadap ayat-ayat al-Quran turut membawa analogi. Pendekatan tersebut dilihat unik dan memberi kesan kepada pendengar dan pembaca. Berikut merupakan aspek pendidikan jiwa berbentuk analogi dalam tafsir:

1. ***Merasai kerdil diri manusia yang tidak mampu menandingi kuasa Allah SWT seperti seurat bulu yang terapung di udara (di bawa angin ke mana sahaja)***

Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat sebelum menyampaikan kuliah beliau memberi pengenalan dengan menyentuh berkenaan al-Quran. Penurunan al-Quran menjadikan manusia mengingati proses penurunannya daripada daripada Allah SWT kepada Jibril AS dan seterusnya kepada Nabi SAW. Malah dengan mempercayai kekuasaan Allah SWT menjadikan manusia memandangi semua ciptaan Allah dan merasai kerdil diri manusia yang tiada kuasa (Tuan Guru Nik Abdul Aziz, 2023). Aspek pendidikan jiwa yang disentuh ini berkaitan dengan pendidikan tauhid yang merasai kehebatan Allah SWT yang berkuasa menciptakan semua benda.

2. ***Kerasulan Nabi SAW adalah untuk menyampaikan kebenaran dan kesempurnaan agama islam seumpama seketul bata yang menyempurnakan sebuah rumah.***

Tuan Guru Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat ketika membincangkan tentang kesempurnaan agama Islam selepas penurunan wahyu selama 23 tahun, menyebutkan bahawa seluruh agama ini telah sempurna ajarannya berdasarkan ayat al-Quran '*Pada hari ini, aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan aku telah cukupkan nikmatku kepada kamu, dan aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu*' (al-Maidah:3).

Islam ialah rumah yang telah wujud sejak daripada zaman nabi-nabi terdahulu dan Rasulullah SAW menyempurnakan agama Islam dengan kerasulannya. Ianya juga disebutkan dalam hadis Nabi SAW '*Misalan aku ini, ibarat sebuah rumah yang tidak cukup seketul bata*' (al-Bukhari, No 3535).

3. ***Sentiasa memelihara agama Islam secara menyeluruh tanpa mengubah apa-apa syariat Allah SWT seperti seorang kontraktor yang diminta membina rumah dan membina rumah yang sama seperti kehendak pemiliknya.***

Tuan Guru Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat memberi gambaran analogi berkenaan seorang manusia perlu mengikut kehendak majikannya atau orang yang lebih berkuasa daripadanya. Semua suruhan Allah SWT perlu ditaati tanpa mengubah syariat yang telah sempurna. Seseorang yang menjaga agamanya akan dikurniakan

syurga oleh Allah SWT seperti seorang kontraktor diberikan upah atas kerja yang telah dilakukannya dengan syarat kerja tersebut adalah bertepatan dengan kehendak pelanggannya. Ia sebuah analogi yang sangat memberi kesan dalam mendidik jiwa manusia (Tuan Guru Nik Abdul Aziz, 2023). Allah SWT menjanjikan syurga bagi seseorang yang memelihara agama tanpa mengubah apa-apa syariat yang telah Allah SWT tetapkan malah teguh berpegang dengan agama Islam yang suci.

4. Memelihara akidah dalam diri umpama memelihara tiang sebuah rumah.

Tuan Guru Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat menyatakan bahawa penting menjaga akidah supaya tidak terpengaruh dengan fahaman nasionalis, sosialis, demokrasi atau apa sahaja kecuali Islam. Semua perkara yang manusia perlu dalam menjalani kehidupan telah tersedia dalam al-Quran (Tuan Guru Nik Abdul Aziz, 2023). Akidah adalah tiang yang perlu dijaga agar Islam tidak musnah oleh anasir luar yang masuk dalam kehidupan masyarakat Islam.

5. Mengharapkan pertolongan Allah SWT semata-mata seperti mengharapkan pertolongan orang yang dikenali ketika disoal oleh polis/JPJ.

Tuan Guru Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat ketika membincangkan ayat pertama daripada surah al-Nas "*Wahai Muhammad, beritahu orang supaya menyatakan wahai Tuhan aku minta kepada Engkau, lindungi aku*" (al-Nas:1).

Di dalam surah al-Nas Allah SWT mengajarkan manusia kekuasaan Allah SWT dan memohon supaya manusia meminta padanya. Terdapat beberapa perkara utama yang disebut dalam al-Quran tentang pertolongan Allah kepada manusia iaitu Allah menjaga manusia dan Allah menjaga segala-galanya. Manusia mempunyai tanggungjawab yang akan disoal oleh Allah SWT kelak dan setiap manusia perlu menjawab soalan-soalan tersebut secara sendirian tanpa bantuan sesiapa. Ia seumpama seseorang ditahan oleh polis di jalan raya masih boleh mencari seseorang untuk membantu. Jika bertemu dengan seseorang yang dikenali dapat membantu dan kemungkinan akan dilepaskan daripada kesalahan oleh polis tersebut. Namun keadaan ini tidak akan berlaku di akhirat kelak. Manusia perlu menanggung sendiri akibat daripada perbuatannya (Tuan Guru Nik Abdul Aziz, 2023). Analogi tersebut memperlihatkan bahawa manusia bertanggungjawab atas setiap perbuatannya pada hari akhirat kelak dan tiada sesiapa dapat membantu. Ia dilihat sebagai motivasi untuk terus melakukan kebaikan dan merasa gerun untuk melakukan maksiat kepada Allah SWT.

6. Amalan Islam dalam kehidupan bertujuan memberikan kemudahan kepada manusia ibarat peraturan jalan raya yang dilakukan untuk mengelakkan daripada berlaku kemalangan.

Agama merupakan peraturan dalam kehidupan, peraturan hidup diperlukan agar kehidupan lancar tiada penindasan atau pergaduhan. Sebagai contoh peraturan jalan raya yang digubal adalah untuk menjaga manusia daripada ditimpa musibah dan melancarkan perjalanan. Peraturan yang dicipta adalah untuk menjadikan dunia selamat untuk semua manusia sepertimana perturan dalam agama menjadikan manusia selamat di dunia dan akhirat (Tuan Guru Nik Abdul Aziz, 2023). Analogi pensyariatan agama Islam sebagai penyelamat kehidupan manusia di dunia seperti peraturan jalan raya untuk menyelamatkan manusia amat tepat dalam menggambarkan syariat adalah untuk kemaslahatan umat. Allah SWT menetapkan syariat Islam sebagai panduan kepada manusia agar dapat hidup harmoni, aman dan saling menjaga kebajikan.

7. Kehidupan di dunia memerlukan duit seumpama kehidupan di akhirat memerlukan pahala.

Terdapat banyak amalan yang mendatangkan pahala seperti bekerja, berkeluarga dan segala perbuatan yang dilakukan mengikut kehendak Nabi SAW akan memperolehi pahala. Untuk mendapatkan pahala perlu kepada kesabaran (Tuan Guru Nik Abdul Aziz, 2023). Analogi duit dan pahala amat wajar dijadikan contoh kerana manusia tidak dapat melihat pahala, namun dengan keyakinan amalan baik akan memberi pahala yang akan membantu di akhirat kelak sebagai motivasi untuk sentiasa melakukan kebaikan secara berterusan. Analogi ini memberi penekanan dua bentuk kehidupan berbeza di dunia dan akhirat namun keperluannya adalah sama iaitu material di dunia dan pahala di akhirat.

8. Takut kepada Allah SWT atas sebab kehebatan Allah SWT seperti seorang murid takutkan gurunya yang garang.

Firman Allah SWT '*Katakanlah (wahai Muhammad), (Tuhanku) adalah Allah yang maha Esa*' (al-Ikhlâs: 1). Allah SWT menyebutkan bahawa Allah yang maha gagah, jika manusia takut kepada orang lain kerana kegagahannya, wajar takut kepada Allah kerana Allah yang maha gagah dan hebat. Beliau membawakan perbandingan kisah murid-murid yang nakal serta bising di dalam kelas, guru datang membawa rotan mereka merasa takut kerana guru lebih tua, lebih berusia dan membawa rotan. Kegagahan yang terdapat pada seorang guru menjadikan murid takut (Tuan Guru Nik Abdul Aziz, 2023). Ketakutan atau merasa kagum pada sesuatu yang lebih hebat daripada manusia adalah fitrah kebanyakan manusia. Analogi tersebut menggambarkan bahawa jika seseorang melihat kehebatan manusia dan merasa kagum atau gentar dengan kehebatan tersebut, sewajarnya kagum yang lebih lagi kepada Allah SWT atas kehebatan Allah SWT menciptakan manusia malah seluruh alam. Analogi ini meningkatkan keimanan dalam diri manusia kepada Allah SWT dan menunjukkan bahawa tidak ada yang lebih hebat berbanding Allah SWT.

4.0 KESIMPULAN

Pendidikan jiwa merupakan aspek penting dalam melahirkan insan yang berakhlak mulia, mempunyai akidah yang benar serta yakin kepada kekuasaan Allah SWT. Dalam proses mendidik jiwa manusia, Allah SWT membawakan pelbagai analogi atau perumpamaan dalam al-Quran agar manusia dapat berfikir dan mengambil ibrah. Usaha mendidik jiwa perlu dilakukan dengan ilmu pengetahuan, pelbagai usaha dilakukan oleh alim ulama dalam memberi kefahaman tentang agama serta mendidik jiwa agar bertepatan dengan nilai Islam. Antara usaha tersebut dilakukan oleh Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat melalui kuliah tafsir beliau. Bagi memberi kefahaman yang jitu berkenaan ayat al-Quran, beliau menggunakan analogi yang mudah difahami. Antaranya kerdil seperti bulu yang terapung, kontraktor yang membina rumah, guru yang garang dan lain-lain analogi. Usaha ini dilihat sebagai usaha yang murni dan perlu difahami dengan kefahaman yang sebenar. Analogi tersebut tidak bermakna kekuasaan Allah SWT disamakan dengan bulu berterbangan atau amalan Islam yang membawa ke syurga dengan kontraktor. Ia hanya satu analogi untuk memudahkan kefahaman masyarakat sahaja. Tidak sama sekali menyamakan Allah SWT dengan makhluk yang lain apatah lagi benda-benda lain yang tidak bernyawa. Kekuasaan dan kehebatan Allah SWT tidak mampu disaingi atau ditandingi oleh makhluk lain apatah lagi menyamakan Allah SWT yang sempurna dengan makhluk ciptaanNya.

5.0 RUJUKAN

- Ahmad Najib Abdullah, Nor Hazrul Mohd Salleh. (2021). Keunikan Tafsir Tuan Guru Hj Tuan Guru Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat. *Jurnal al-Basirah*, 11 (1), 33-46. <https://mjir.um.edu.my/index.php/ALBASIRAH/article/view/30673>
- Alfauzan Amin (2017). Pemahaman Konsep Abstrak Ajaran Agama Islam Pada Anak Melalui Pendekatan Sinektik Dan Isyarat Analogi Dalam Alquran. *Madania*, 21 (2), 157-170. <https://download.garuda.kemdikbud.go.id/article.php?article=952138&val=14679&title=Pemahaman%20Konsep%20Abstrak%20Ajaran%20Agama%20Islam%20pada%20Anak%20Melalui%20Pendekatan%20Sinektik%20dan%20Isyarat%20Analogi%20dalam%20Alquran>
- H Muhd Amri et.al (2018). *Aqidah Akhlak*. Makassar: Rosina Mosiba.
- Johari Mat, Nurliyana Ahmed dan Ahmad Fathi Yusoff. (t.th). *Biografi Ringkas/ A Short Biography of Tok Guru Dato' Bentara Setia Dato' Hj. Tuan Guru Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat*.
- M. Priyatna (2014). Konsep Pendidikan Jiwa melalui al-Quran dan al-hadis. *Edukasi Islami Jurnal Pendidikan Islam*. 520-532. https://www.researchgate.net/publication/324622954_KONSEP_PENDIDIKAN_JIWA_NAFS_MENURUT_AL_QUR'AN_DAN_HADITS#fullTextFileContent
- Manna' al-Qattan (t.t). *Mabahith Fi Ulum al-Quran*. Maktabah Wahbah: Kaherah.
- Mohd Manawi Mohd Akib, Che Zarrina Sa'ari, Sharifah Basirah Syed Muhsin. (2021). Psikologi Islam: Penciptaan Al-Nafsdan Kekekalannya Menurut Ibn Sinadan Al-Ghazali. *Jurnal al-Basirah*, 11 (1), 19-31. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/ALBASIRAH/article/view/30725>
- Nurhadi, Fahrul Rozi. (2020). Nilai-Nilai Pendidikan Jiwa Dalam Buku Tasawuf Modern Karya Buya Hamka. *Jurnal Studi Keislaman dan Ilmu Pendidikan*, 8 (1), 178-195.
- Nurzatil Ismah binti Azizan & Nazneen Ismail. (2015). Pendekatan Amthal al-Quran dalam membentuk peribadi Muslim dalam Seminar Serantau Peradaban dan Pemikiran Islam II (ReCIT2015).
- Nurzatil Ismah binti Azizan & Nazneen Ismail. (2023). Membangun Akhlak Masyarakat Madani Melalui Tafsir al-Quran: Analisis Terhadap Tafsir Surah al-Humazah oleh Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat. *Prosiding Persidangan Seminar Wahyu Asas Tamadun 2023 (SWAT 2023)*.
- Satibi, ibdalsyah, Abdul Hayyie Al-Kattani (2018). Konsep Pendidikan Jiwa Dalam Perspektif Al-Qusyairis. *Tawazun Jurnal Pendidikan Islam*, 11 (1), 22-41. <https://ejournal.uika-bogor.ac.id/index.php/TAWAZUN/article/view/1624>
- Shukeri Mohamad, Mohamad Azrien Mohamed Adnan, Ahmad Najib Abdullah dan Nor Hazrul Mohd Salleh. (2020). Sumbangan Tuan Guru Tuan Guru Nik Abdul Aziz kepada Pembangunan Pentadbiran Islam di Negeri Kelantan: Satu Tinjauan. *Al-Basirah*, 10(2), 57-76. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/ALBASIRAH/article/view/27908/12581>
- Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat (2022). *Tafsir al-Quran*. Selangor : Firdaus Press Sdn Bhd.